



PERADUAN BETUL ATAU SALAH

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	Astro Radio Sdn Bhd
2.	Stesen Radio	ERA fm Sabah
3.	Nama Peraduan	Peraduan Betul atau Salah
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	ERA fm Sabah beri peluang kepada pendengar di Kota Kinabalu untuk memenangi wang tunai RM50 dan hamper dari Southern Lion
5.	Mekanisma ringkas Peraduan	Jadi pemanggil pertama dan beri kata laluan dengan betul untuk menang sebuah hamper. Selepas itu untuk memenangi RM50, jawab soalan betul atau salah mengenai artis / lagu. Tetapi pemanggil harus menjawab "SALAH" untuk jawapan yang betul dan "BETUL" untuk jawapan yang salah.
6.	Kriteria Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 1hb Januari 2018
7.	Ketidaklayakan	Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini :- a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik beradik orang-orang tersebut; b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini; c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1001 - RM 5000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini; d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	Umur Kelayakan	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 1hb Januari 2018
9.	Caj	Caj lazim telekomunikasi boleh dikenakan
10.	Tempoh Peraduan	1hb Januari 2018 sehingga 31hb Disember 2018
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia.
12.	Prosedur Penyertaan	Memanggil talian ERA FM Sabah 088-485024.
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	31hb Disember 2018
14.	Cara Penghantaran	Melalui panggilan telefon ke 088-485024

15.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd F901 Wisma Angkatan Hebat Jalan Sulaman, 88450 Kota Kinabalu
16.	Pemilihan Pemenang	Pemenang Peraduan akan dipilih berdasarkan kepada panggilan terpantas ke ERA fm Kota Kinabalu dengan jawapan betul
17.	Hadiah	Hamper dan/atau Wang tunai RM50
18.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Nama para Pemenang Peraduan akan diumumkan oleh pihak Penganjur melalui Siaran saluran tempatan ERA fm Sabah
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Dalam masa 90 hari dari notis pihak Penganjur.
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Seperti diumumkan oleh Pihak Penganjur. ERA fm Kota Kinabalu, Astro Radio Sdn Bhd F901 Wisma Angkatan Hebat Jalan Sulaman, 88450 Kota Kinabalu
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	<p>Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaihan, kesilapan dan / atau kesalahan pihak Penganjur.</p> <p>Semua peserta bersetuju untuk menyerahkan dan memindahkan kepada Penganjur dan syarikat-syarikat berkaitan hak mutlak yang tidak terhad untuk menggunakan dan mengeksploitasi mana-mana dan semua video yang kamu muatnaik untuk Peraduan ini di seluruh dunia untuk tempoh penuh hak cipta termasuk semua pembaharuan bersama-sama dengan hak untuk memberi kuasa kepada orang lain untuk berbuat demikian tanpa perlu membayar apa-apa saraan atau royalti kepada kamu.</p> <p>Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan terpakai</p> <p>TALIAN TERCICIR DAN TIDAK DAPAT DIHUBUNGI</p> <p>Peraduan melalui panggilan telefon</p> <p>Tiada liabiliti ditanggung oleh pihak Penganjur untuk komunikasi telefon yang tidak baik, salah arah / salah menelefon atau kesukaran teknikal yang dialami oleh pemanggil semasa panggilan masuk untuk Peraduan.</p> <p>Jika semasa dalam Peraduan: -</p> <p>a) talian telefon terputus atau terganggu; atau</p> <p>b) terdapat pertikaian yang timbul daripada penggunaan talin-talian telefon di dalam Peraduan (termasuk di dalam situasi di mana telefon berbilang talian adalah digunakan); atau</p> <p>c) dua talian telefon terlintang semasa Peraduan;</p> <p>d) juruhebah tidak mendengar apa-apa maklum balas yang jelas daripada pemanggil;</p> <p>Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan kelayakan pemanggil atau pemanggil-pemanggil yang berkaitan atas apa-apa jua sebab, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pemberian Hadiah kepada pemanggil atau pemanggil-pemanggil tersebut, dan boleh memberikan Hadiah kepada orang lain mengikut budi bicara mutlaknya.</p>

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.